

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NEGARA

Pelutup muka bukan hanya untuk Covid-19



BERMULA 5 Julai lalu, Kementerian Kesihatan (KKM) tidak lagi mewajibkan pemakaian pelutup muka di dalam pengangkutan awam dan fasiliti kesihatan.

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, walau bagaimanapun, individu itu dikehendaki memakai pelutup muka sekiranya positif Covid-19 dan ketika mengunjungi fasiliti kesihatan.

Di sebalik kelonggaran itu, sebilangan pengguna media sosial berpandangan mereka masih mahu memakai pelutup muka kerana bimbang dijangkiti atau menyebarkan penyakit kepada keluarga.

Di dalam pengangkutan awam seperti tren dan bas pula, orang ramai dilihat masih memakai pelutup muka terutama ketika waktu puncak yang mana penumpang perlu berhimpit.

Membincangkan perkara itu, Pakar Kesihatan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, situasi tersebut menggambarkan masyarakat kini lebih

waspada dengan penyakit.

"Tindakan ini baik jika mereka menganggap diri terdedah risiko jangkitan seperti individu yang mempunyai masalah komobiti, kegemukan, darah tinggi, kencing manis dan masalah jantung.

"Mereka yang bergejala perlu memakainya agar tidak menjangkiti orang lain. Jika dalam kenderaan sesak, jarak kita makin rapat, maka cecair batuk dan air liur boleh terkena orang lain," katanya.

Menurutnya, orang ramai yang masih memakai pelutup muka mempunyai kesedaran, maka ia baik untuk diteruskan.

Sharifa Ezat berkata, orang ramai perlu berwaspada dengan penyakit yang boleh merebak, lebih-lebih lagi dengan kemunculan virus baharu di luar negara.

"Kemunculan virus seperti langya dan kraken boleh disebarkan melalui haiwan seperti kelawar dan babi. Bila berlakunya pemanasan global, vektor-vektor penyakit ini mudah menyebarkan.

"Pembangunan bandar yang mengakibatkan kemusnahan hutan menyebabkan haiwan mendiami penempatan manusia. Apabila berinteraksi dengan kita, penyakit yang dibawa mudah merebak," jelasnya.

Tambahnya, kajian menunjukkan bahawa pandemik akan datang mungkin berdasarkan bu-

rung dan haiwan ternakan.

"Contohnya, Sindrom Pernafasan Virus Korona Timur Tengah (MERS-CoV). Malah virus juga boleh merebak melalui unta apabila susunya tidak dipasteur atau dipanaskan.

"Lebih teruk atau tidak kadar jangkitan, itu tidak dapat dipastikan, tetapi sentiasa akan ada jangkitan penyakit baharu dan ini tidak boleh dinafikan.

"Lebih banyak interaksi dengan haiwan, lebih mudah ia merebak," katanya.

Justeru, Sharifa Ezat menasihatkan orang ramai agar berjaga-jaga dengan penyakit yang merebak melalui udara dan air yang tercemar dengan kuman.

"Buat masa sekarang, Covid-19 masih belum selesai, tetapi dunia sudah diancam dengan pelbagai wabak yang teruk. Kita harap tiada subvarian atau virus baharu muncul di Malaysia, tetapi pengawasan perlu diteruskan oleh pihak berwajib.

"Jika berlaku pengesanan awal kes dari luar negara, Malaysia sepatutnya sudah bersedia kerana kita sudah ada banyak pengalaman," ujarnya.

Kesimpulannya, pelutup muka boleh dipakai bukan sahaja untuk mengelak daripada dijangkiti Covid-19, malah menghindari penyakit lain seperti demam, batuk dan selesema yang mudah merebak melalui udara.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : LETTERS

NEW SYLLABUS

Teach students about dangers of smoking, vaping

THE Consumers Association of Penang (CAP) urges the Education Ministry to introduce a syllabus on the dangers of vaping.

This will save thousands of children's lives. It's a big concern as the number of smokers and vapers among students is rising.

The Health Ministry said 43,000 secondary school students and 341 primary school pupils were smokers, which are disappointing statistics.

In Malaysia, there are an estimated five million smokers and 1.5 million vapers.

New statistics show that 43,019 secondary school students and 341 primary school pupils are smokers.

The CAP has received complaints from parents and teachers that their teenage children were buying vaping products that contained nicotine because the government has removed nicotine from the Poisons Act from April 1.

Kids can walk into vape shops and buy products that contain poison.

There is no logic in removing nicotine from the list of poisons.

The CAP survey also showed that the number of smokers and vapers at

secondary and primary schools and university levels is alarming.

The number is increasing because cigarettes and vape liquids are easily available. There is a shop selling these products in every corner of the country.

During CAP's anti-smoking and danger-of-vape talks, many students said they didn't know about the dangers of nicotine.

CAP feels that there is a need for a new syllabus on the dangers of tobacco and vape liquids, which contain nicotine.

Many primary school pupils

might assume that liquids for vape products are just fruity flavours, but they are actually chemical nicotine flavours.

The World Health Organisation said there were 16,000 chemical flavours that contain nicotine sold to kids and adults.

In this case, the victims are schoolchildren. Surely now is the time to save them?

N.V. SUBBAROW

Education officer and anti-smoking activist,
Consumers Association of Penang